



**MAJLIS PENGETUA-PENGETUA SEKOLAH MENENGAH
(CAWANGAN PULAU PINANG)**

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Ogos 2018

2 ½ JAM

MODUL SOALAN BERFOKUS SPM 2018

ANJURAN MPSM CAWANGAN PULAU PINANG
dengan kerjasama
SEKTOR PENGURUSAN AKADEMIK
JABATAN PENDIDIKAN PULAU PINANG

BAHASA MELAYU

Kertas 2

2 JAM 30 MINIT

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

NAMA:.....

ANGKA GILIRAN:

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Modul ini mengandungi 9 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **manfaat tarian sebagai medium perkembangan remaja** dan **cara-cara menggalakkan penyertaan tarian di sekolah**. Panjangnya rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Tarian merupakan gerak tubuh yang dilakukan secara berirama dan penuh penghayatan. Unsur utama dalam tarian ialah gerakan yang melibatkan semua anggota badan penari. Elemen ini menjadikan tarian yang dipersembahkan lebih harmoni dan memberikan kesan yang baik kepada penonton. Terdapat berbagai-bagai jenis tarian di Malaysia yang dapat dibanggakan. Antaranya termasuklah tarian tradisional, tarian rakyat dan tarian kontemporari. Setiap tarian mengandungi nilai seni dan kreativiti yang tinggi. Tarian akan menjadi lebih menarik apabila penari menggayakan busana, tatarias dan aksesori yang memiliki keindahan tersendiri.

Rentetan itu, pelbagai program telah dilaksanakan bagi memperlihatkan kepentingan pelibatan remaja dalam bidang ini seperti aktiviti kesenian dan kebudayaan yang dijalankan di sekolah. Aktiviti tarian memainkan peranan penting dalam membentuk sahsiah dan jati diri remaja. Pelibatan remaja dalam bidang seni tari dapat menonjolkan bakat dan potensi diri mereka yang lahir secara semula jadi. Secara tidak langsung kebolehan ini boleh digilap dan dibangunkan agar menyambung tradisi pada masa depan. Seterusnya, aktiviti tarian dapat membina keyakinan dan keberanian seseorang individu untuk tampil di hadapan semasa membuat persembahan.

Proses penguasaan seni tari yang dipelajari meliputi *kemampuan individu* menghafal gerakan, memahami dan menghayati sesuatu tarian. Seterusnya, tarian berupaya melahirkan keupayaan remaja untuk menguasai sesuatu gerakan kreatif. Kebiasaannya individu yang menceburi bidang tarian ini lebih cekap menghafal dan mengimbangi diri mereka dalam sesuatu perkara. Melalui pelibatan ini, remaja juga dapat mengetahui susur galur keturunan dan sejarah tarian tradisional di Malaysia. Hal ini memberikan nilai tambah terhadap pengetahuan am seseorang remaja. Tambahan pula, melalui pertandingan tarian yang disertai dapat menyatukan pelajar berbilang bangsa tanpa mengira kaum.

Pembabitan remaja dalam bidang seni tari juga mampu melahirkan individu yang berdisiplin tinggi. Hal ini dikatakan demikian kerana persembahan tarian memerlukan penari yang berdisiplin, menepati masa dan memberikan sepenuh komitmen semasa latihan, persediaan sebelum persembahan, semasa persembahan ataupun selepas persembahan. Dengan adanya tarian, remaja akan lebih berdikari dan terdidik untuk mengimbangi diri dalam pelajaran serta aktiviti kokurikulum yang disertai. Hasil kejayaan yang dicapai dalam pertandingan tarian akan menyuntik semangat kepada golongan remaja ini untuk terus maju dan berjaya.

Bagi menyemarakkan pelibatan remaja dalam aktiviti ini, sokongan ibu bapa penting dengan memberikan peluang kepada anak-anak untuk mengambil bahagian dalam seni tari. Sekatan dan sikap yang terlalu mengongkong aktiviti anak akan melemahkan perkembangan diri mereka. Ibu bapa juga perlu membantu anak-anak memilih bidang tarian yang diminati dan mempunyai hala tuju. Selain itu, motivasi yang diberikan secara berterusan mampu melahirkan anak-anak yang aktif dalam seni tari. Sebagai rakyat Malaysia, kita sewajarnya mempertahankan warisan seni budaya bangsa agar terus bertahan dalam mendepani zaman moden ini.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada 'Tarian Sebagai Medium Perkembangan Remaja', oleh Shasha Shakierah, *Dewan Siswa*, Mac 2016)

Soalan 2 : Pemahaman
[35 markah]

Soalan 2 (a) - Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

(i) Apakah maksud rangkai kata *kemampuan individu*? [2 markah]

(ii) Pengarang mengatakan bahawa ibu bapa memainkan peranan penting untuk menggalakkan penyertaan anak-anak dalam bidang tarian.

Nyatakan peranan-peranan tersebut.

[3 markah]

(iii) Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang boleh dilakukan oleh pihak kerajaan untuk meningkatkan martabat bidang kesenian dan kebudayaan di Malaysia?

[4 markah]

Soalan 2(b) – Petikan Prosa Moden

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Tuan inikah yang bernama Munsyi, sahabat baik bonda saya?”

Selepas saya memperkenalkan diri, dia mula tersenyum meramahi saya sebelum menjemput saya masuk.

Kami bersalaman erat. Saya menyampaikan salam bonda kepadanya sebelum menghulurkan beg berisi puluhan kitab lama yang saya bawa dari kampung.

Minggu-minggu pertama saya berada di kota mewah ini, dapat saya saksikan kerapuhan jiwa anak-anak muda sebangsa saya. Mereka dihanyutkan keseronokan hidup dengan memperdagangkan maruah dan peribadi. Saya berasa jelik dan aib menyaksikan adegan sumbang wajah-wajah anak muda peribumi tanah air ini yang tidak segan silu menjual bahasa ibunda dan merosakkan agama yang murni. Anak-anak muda lelaki perempuan berpelesiran dalam pergaulan bebas sambil bercakap dalam bahasa yang entah apa-apa. Mereka bergelak tawa dalam loghat yang direka-reka konon untuk menunjukkan kemodenan. Saya jadi keliru dengan setiap patah slanga dan klausa yang tidak saya faham. Ada yang menggunakan pelbagai istilah rojak yang dicampuradukkan dengan bahasa asing yang mengelirukan. Saya jadi buntu. Malah berasa malu dengan sikap dan gelagat anak-anak muda sebangsa saya yang telah hilang identiti dan jati diri di negara mewah ini.

(Dipetik daripada cerpen ‘Munsyi’, oleh Husna Nazri Dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*, Kementerian Pendidikan Malaysia)

- (i) Gambarkan keadaan anak-anak muda di kota mewah. [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang dapat diambil oleh ibu bapa untuk membendung keruntuhan akhlak generasi muda di kawasan bandar? [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** persoalan yang terdapat dalam petikan tersebut dan **satu** persoalan lain daripada keseluruhan cerpen. [4 markah]

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Berapa lamanya maka Kertala Sari pun sampailah ke Melaka. Maka ia pun singgah di luar kota pada kampung segala Jawa. Maka Kertala Sari pun menyamarkan dirinya kepada segala Jawa yang banyak itu. Maka Kertala Sari pun sedia kala berjalan keluar masuk bermain-main segenap kampung orang kaya-kaya dan saudagar,

Setelah diketahuinya, maka Kertala Sari pun masuk menyamar pada orang Patih Kerma Wijaya, Tatkala itu Kertala Sari pun masuk seorangnya mengikut Patih Kerma Wijaya pergi menghadap sama dengan Jawa yang banyak itu. Maka oleh Kertala Sari segala hulubalang yang menghadap sama-sama itu dilihatnya seorang kepada seorang. Maka Kertala Sari pun pandang Laksamana ; maka ia pun fikir dalam hatinya, "Dialah gerangan hulubalang Ratu Melaka yang bernama Laksamana itu. Jikalau demikian lakunya, sungguhlah ia dapat membunuh bapaku, kerana ia *penjurit besar* lagi kepetangan.

Dipetik daripada 'Kepimpinan Melalui Teladan'
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang Dari Istanbul*
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berikan maksud rangkai kata *penjurit besar* yang terdapat dalam petikan di atas. [2 markah]
- (ii) Apakah tindakan yang dilakukan oleh Kertala Sari sebaik sahaja ia sampai ke Melaka? [3 markah]
- (iii) Sekiranya anda Kertala Sari, apakah cara yang dapat anda lakukan untuk menewaskan Laksamana? [3 markah]

Soalan 2(d) – Sajak

Baca petikan sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Sejadah Rindu

Terkedu aku
di sejadah rindu
mengungkap kalimah syahdu
bait bicara tersentuh kalbu
merekah keinsafan di hati yang beku
mengenang dosaku yang terdahulu.

Berbekal pancaindera anugerah Tuhan
kupohon kembali nafas kehidupan
dalam keterhadan dan keterbatasan insan
moga terbuka ruang keampunan
sebelum saat aku dinisankan
di masa yang Kautetapkan.

Air mata menjadi saksi
keikhlasan menjadi bukti
akhirnya
aku sujud menghadap Ilahi
di keheningan yang sepi
lafaz taubat mengiringi

nafas sebak kian mengikuti.

Hati ini luluh
jiwa yang kaku tersentuh
ayat-ayat cinta disusun kukuh
di sejadah rindu yang lusuh
kemaafan yang kupohon sungguh
dari Pencipta dalam gemuruh.

Ungkapan doa pada Yang Esa
izinkan aku menjadi manusia
yang taat sentiasa
pada perintah Maha Kuasa
agar aku tidak lupa
dunia ini hanya bersifat sementara.

Kalam Pertama, 2013
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berdasarkan sajak tersebut, nyatakan cara-cara penyajak menzahirkan keinsafan atas dosa-dosa yang lalu kepada Tuhannya.

[2 markah]

- (ii) Dalam 2 baris terakhir sajak, penyajak menyatakan harapan agar dirinya tidak lupa bahawa dunia ini bersifat sementara.

Pada pandangan anda, apakah kesan-kesannya jika seseorang manusia itu sedar bahawa dunia ini bersifat sementara ?

[3 markah]

- (iii) Huraikan dua nilai murni yang terdapat dalam sajak ini.

[4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) *Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) lengan - lengang
- (ii) timang - timbang
- (iii) trafik - tragik

[6 markah]

(b) *Tukarkan ayat aktif di bawah kepada ayat pasif tanpa mengubah maksud asalnya.*

- (i) Cikgu Hasnul mengajar pelajar tingkatan Lima Ceria mata pelajaran Sejarah pada setiap hari Sabtu.
- (ii) Pekerja kontrak telah menebang pokok rambutan yang reput itu petang tadi.
- (iii) Kami membaiki motosikal pusaka kesayangan ayah di Bengkel Mutiara.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Adik dapat habiskan dua puluh cucok sate yang dibeli oleh ayah dalam satu masa.
- (ii) Ayah menghadiahi senaskah novel kepada kakak sebagai tanda sayang terhadap anak sulungnya.
- (iii) Khairul engkar nasihat ayahnya supaya dia tidak menggaul dengan budak-budak nakal.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Keharmonian landskap di Putrajaya sungguh mempersonakan para-para pengunjung.
- (ii) Rumah tua itu masih boleh dibaik pulih demi untuk mengekalkan kesenian dan keaslian seni reka bentuknya.
- (iii) Kakitangan awam diwartakan supaya memakai baju batik tempatan di hari Khamis minggu bekerja.

[6 markah]

(e) *Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti kemudian kemukakan satu peribahasa yang menggambarkan situasi yang terdapat dalam ayat-ayat berkenaan.*

- (i) Dahulu dia tidak mengendahkan teguran dan nasihat yang diberikan. Setelah dia mengalami kegagalan, barulah dia menyedari kesilapannya.
- (ii) “Pagi tadi saya lihat adik-adik Raju bergaduh. Sekarang mereka sudah berbaik-baik semula,” kata Puan Mary.
- (iii) Semasa berkunjung ke Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri, Amran terpandang seorang tetamu yang paras rupanya seiras sahabat lamanya lantas dia menegurnya untuk berkenalan.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (ii) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (iii) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (iv) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (v) Tirani karya Beb Sabariah
- (vi) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (vii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (viii) Silir Daksina karya Md Nizar Parman

- (a) Huraikan keistimewaan watak utama sehingga menimbulkan perasaan kagum dalam diri pembaca.

[7 markah]

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **satu** latar tempat bagi setiap novel tersebut.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT